Kursus ini akan menjuruskan pengkajian tentang isi, kepentingan dan autoriti karya-karya utama akidah dan pemikiran Islam. Ia mengetengahkan karya-karya warisan tentang istilah, bibliografi, autobiografi tokoh akidah dan pemikir Islam. Di samping itu sumber-sumber primer dan muktabar bidang akidah dan pemikiran Islam merangkumi kitab-kitab akidah berbagai mazhab, perkembangan aliran (firaq) akidah dan pemikiran, falsafah Islam dan tasawuf akan diperbincangkan.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenal pasti dan menjelaskan senarai buku-buku berautoriti dalam bidang akidah dan pemikiran Islam [C3, P2, A1]
2. Mengenal pasti tokoh-tokoh yang mempunyai kredibiliti untuk menjadi rujukan dalam bidang akidah dan pemikiran Islam [C3, P2, A1]
3. Menilai autoriti karya klasik dan kontemporari dalam bidang akidah dan pemikiran Islam. [C3, P2, A1]

#### **Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Kerja Berpasukan: TS1-TS2
3. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2

#### **Rujukan**

1. Haji Khalifah (1982), *Kasf al-Zunun*, Beirut: Dar al-Fikr.
2. Ibn Nadim (1985), *Miftah al-sa'adah wa Misbah al-Siyadah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
3. Fuad Sezgin (1412H), *Tarikh al-Turath al-'Arabi*. Qom: Matba'ah Bahman.
4. Hans Daiber (1999), *Bibliography of Islamic Philosophy*, Leiden: E.J Brill.
5. Muhy al-Din Muhammad ibn Baha' al-Din (2013) *al-Qawl al-Fasi Syarh Fiqh al-Akbar li al-Hamam al-a'zam Abi Hanifah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
6. Abi al-Mawahib 'Abd al-Wahhab ibn Ahmad/ al-Sya'rani (2013) *al-Tabaqat al-Kubra al-Musammat* (*Lawaqih al-Anwar fi tabaqat al-Akhyar*) Kartuniyyah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
7. Abi al-Huda Muhammad ibn al-Hasan/ al-Rifa'i al-Sayadi (2014) *Qiladah al-Jawahir fi zikr al-Ghaws al-Rifa'i wa atba'hi al-Akabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

## **III2001 ISU AKIDAH SEMASA**

Kursus ini akan membincangkan isu-isu semasa akidah Islam mencakupi segenap aspek kehidupan umat Islam. Antara yang akan diberi fokus ialah unsur-unsur penyelewengan akidah yang terdapat dalam amalan-amalan tertentu yang dipraktikkan dalam masyarakat Islam seperti amalan perbomohan dan pendukunan Melayu. Ia juga akan membincangkan beberapa isu semasa akidah umat Islam seperti isu murtad, perbezaan pandangan dalam permasalahan akidah, cabaran fahaman moden terhadap keutuhan akidah Islam dan sebagainya. Turut disentuh ialah perbincangan tentang pandangan para pemikir Islam tentang isu-isu akidah dan pengaplikasian metode-metode keilmuan Islam yang sesuai dalam menangani isu-isu akidah semasa.

### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti isu-isu semasa umat Islam yang ada hubungan dengan persoalan akidah [C3, P2, A1]
2. Menjelaskan unsur-unsur penyelewengan akidah yang terdapat dalam beberapa amalan dan pemikiran umat Islam masa kini [C3, P2, A1]
3. Mengaplikasikan metode-metode keilmuan yang sesuai dalam menilai isu-isu kontemporari. [C3, P2, A1]

### **Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan: LS1-LS2

### **Rujukan**

1. S. M. N. al-Attas (2001), Risalah Untuk Kaum Muslimin. Kuala Lumpur: ISTAC.
2. Abdul Rahman Abdullah (1992). Pemikiran Islam Masakini. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
3. W.M.Watt (1985), Islamic Philosophy and Theology, Edinburgh: Edinburgh University Press.
4. al-'Alwani,Taha Jabir(1991),al-Islah fial-Fikral-Islami. Virginia:IIIT.
5. Muhammadal-Ghazali (t.t.),Turathunaal-FikrifiMizanal-Syar` wa al-'Aql. Kaherah.
6. Abdul Fatah Haron (1993). Ajaran Sesat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Qahtan 'Abd al-Rahman al-Duri (2014) al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Madhahibuhā. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
8. Ahmad Mahmud Muhammad `Abid (2012) al-'Aql Bayn al-Firaq al-Islamiyyah-Qadiman wa Hadithan. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
9. `Ali `Uthman al-Jaradi (2013) al-Qawl al-Sadiq Syarh Jawharah al-Tawhid li al-imam al-Hujjah Ibrahim al-Laqqani. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

## **III2002 KAJIAN MANUSKRIP AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM**

Kursus ini memperkenalkan satu warisan ilmu intelek daripada zaman silam yang dimartabatkan sebagai warisan dokumen negara. Beberapa perkara yang berkaitan seperti penggunaan kitab jawi di Alam Melayu, isu-isu yang berkaitan dengan akidah, pengaruh kitab jawi dalam

masyarakat Melayu, keunikan kitab Jawi dan unsur seni termasuk gaya penulisan dalam manuskrip Jawi. Pelajar juga turut didedahkan tentang pengaruh orientalis serta pusat pengumpulan manuskrip kitab Jawi di Alam Melayu

### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenal pasti manuskrip Melayu Jawi sebagai dokumen negara yang penting. [C3, P2, A1]
2. Mengaplikasikan pandangan Islam dalam pemikiran masyarakat Meayu [C3, P2, A1]
3. Mengabsahkan secara selektif ciri-ciri Akidah Islam dalam Manuskrip berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. [C3, P2, A1]

### **Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan: LS1-LS2

### **Rujukan**

1. Abdul Lattif Abu Bakar, (1985), Warisan Dunia Melayu: Teras Peradaban Malaysia, Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
2. Ab. Razak Karim, (2003), Melestarikan Manuscript Melayu, Illuminasi dan Khaligrafi dalam Warkah-warkah Melayu, Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara.
3. Ding Choo Ming, (2003), Kajian Manuskrip Melayu, Masalah, Kritikan dan Cadangan, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Engku Ibrahim Ismail (1992), Bibliografi Manuskrip Islam di Muzium Islam Malaysia Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Melayu.
5. Mahyudin Yahya, (2004), Penulisan Manuskrip Melayu-Islam: Tatakeadah dan Kepentingannya dalam Masyarakat Melayu Nusantara, Brunei Darussalam.
6. Ab. Razak Ab.Karim, (2013), Warkah Raja-Raja Melayu: Struktur, Stilistik dan Nilai Estetika, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
7. Adi Yasran Abdul Aziz, (2012), Sumbangan Batu Bersurat Piagam Terengganu Dan Manuskrip Terawal Di Nusantara Terhadap Tulisan Jawi Dan Perbendaharaan Kata, Seminar Batu Bersurat Piagam Terengganu 2012.
8. Suliana Sulaiman, Khairuddin Omar, Nazlia Omar, et al. (2011), A Malay Stemmer for Jawi Characters. 24th Australasian Joint Conference Perth, Australia, Proceedings AI 2011: Advances in Artificial Intelligence, December 5-8, 2011, at Perth, Australia.

### **III2003**

### **PSIKOLOGI AGAMA**

Kursus ini memfokuskan perbincangan kepada isu psikologi agama seperti konsep umum dan metodologi psikologi agama, pertumbuhan dan perkembangan jiwa agama (al-shu`ur al-dini) kanak-kanak, remaja, dewasa dan orang tua berdasarkan ajaran Islam dan perbezaannya dengan pemikiran barat. Ia turut menganalisis keperibadian dan sikap beragama serta pengaruh dan halangan terhadap perkembangan jiwa agama diantaranya dari aspek falsafah, sosiologi, kebudayaan, pendidikan dan psikologi. Persoalan berkaitan halangan kepada perkembangan yang normal, tingkah laku keagamaan yang berubah

dan faktornya turut dibincangkan. Selain itu, cadangan terhadap cara mengatasi faktor tersebut akan turut ditekankan.

### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menghuraikan perspektif Islam dan barat mengenai teori pertumbuhan dan perkembangan jiwa agama pada manusia meliputi kanak-kanak, remaja, orang dewasa dan orang tua. [C2, P2, A2]
2. Menganalisis pengaruh dan halangan terhadap perkembangan jiwa agama manusia yang dilihat antaranya dari aspek falsafah, sosiologi, kebudayaan, pendidikan dan psikologi. [C4, P2, A1]
3. Menyesuaikan penemuan disiplin moden yang relevan dengan pengajaran daripada pandangan ulama klasik untuk membina sistem nilai dalam tugas memupuk pertumbuhan dan perkembangan jiwa agama dalam kalangan kanak-kanak, remaja, orang dewasa dan orang tua. [C2, P2, A2].

### **Kemahiran Insaniah**

1. Kemahiran Komunikasi: CS1-CS3
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
3. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2

### **Rujukan**

1. Richards, Graham (2011), Psychology, Religion, and the Nature of the Soul: A Historical Entanglement, Springer.
2. Jalaluddin, Rakhmat (2009), Psikologi Agama: Sebuah Pengantar, Bandung: Penerbit Mizan.
3. Zakiah Daradjat (2010), Peranan Agama Dalam Kesehatan Mental, Jakarta: Gunung Agung.
4. 'Ulwan, 'Abdullah Nasih (2012), Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam, Kaherah: Dar al-Salam.
5. Sa'b, Adib (2012) al-Muqaddimah fi Falsafah al-Din, Beirut: Dar al-Nahar.

## **III2004**

### **FALSAFAH AGAMA**

Kursus ini membincangkan tentang falsafah manusia dan falsafah kepercayaan yang wujud dalam kehidupan mereka, di samping memperkenalkan pengkategorian kajian agama seperti sejarah agama, perbandingan agama, falsafah agama, antropologi agama, sosiologi agama dan psikologi agama. Ia turut mendedahkan tentang kepentingan falsafah beragama yang merujuk kepada falsafah penciptaan, matlamat kehidupan dan destini akhir kehidupan setiap penganut agama secara perbandingan yang dirujuk kepada agama-agama dunia merangkumi sistem-sistem kepercayaan, agama samawi, semitik, budaya danwadi'.

### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memperjelaskan konsep, pengertian, falsafah dan agama serta kepentingannya di dalam kehidupan setiap jiwa insan dengan merujuk kepada al-Qur'an, al-Hadis, teori-teori utama dalam pengkajian agama serta falsafah penciptaan, matlamat kehidupan dan destini akhir kehidupan manusia berasaskan perspektif agama-agama dunia yang merangkumi agama samawi, semitik, budaya

- dan wad'i secara perbandingan. [C3, P2, A2]
2. Membezakan kriteria-kriteria dan elemen-elemen utama dalam setiap falsafah penciptaan manusia, matlamat penciptaan dan destini akhir kehidupan dalam setiap diri penganut agama secara perbandingan. [C3, P2,A2]
  3. Mengaplikasi pandangan Islam tentang teori falsafah beragama dan keagamaan dengan merujuk kepada falsafah penciptaan, matlamat penciptaan dan destini akhir kehidupan dalam setiap agama dan kepercayaan. [C3, P2, A2]

#### **Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan:LS1-LS2

#### **Rujukan**

1. John Bowker. World's Religion. 4th Edition. (USA: DK. Rev, 2011)
2. Ninian Smart. World's Philosophies. (Routledge, 2011).
3. Ninian Smart. Concept of Worship: New Study in Philosophy of Religions. (MacMillan, 2012)
4. Syed Shahid Ali, Atif Suhail Siddiqui, Mahmud Ahmad, Mohd Roslan Mohd Nor, Khadijah Mohd Khambali Hambali, Mohamad Zaid Mohd Zin, Ahmad Faisal Mahdi and Ahamad Asmadi Sakat. Belief and Respect in Multicultural Society: Religious Approach in the Globalised World. American Journal of Applied Sciences 9 (10): 2012.
5. Nurhanisah Senin, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. Al-Biruni's India: A Model of Comparative Religious Study. Dalam Wacana Kontemporari Islam. (Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2013).
6. Suraya Sintang, Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, Azizan Baharuddin, Mahmud Ahmad. Interfaith Marriage And Religious Conversion: A Case Study of Muslim Converts in Sabah, Malaysia. Journal of Social Science and Humanity, 2011.
7. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Wan Ariffin Wan Yon, Suraya Sintang. Toleransi dan Pluralisme Menurut Pengalaman Masyarakat Bidayuh. Jurnal Usuluddin. Bil. 40. (Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2014).

#### **III2005 KAJIAN AGAMA**

Kursus ini membincangkan tentang manusia dan kepercayaan yang wujud dalam kehidupan mereka, di samping memperkenalkan pengkategorian kajian agama seperti sejarah agama, perbandingan agama, falsafah agama, antropologi agama, sosiologi agama dan psikologi agama. Ia turut mendedahkan pelajar dengan perbincangan berkenaan karya-karya agung dalam kajian agama, metodologi perbandingan agama dalam pengumpulan data dan penganalisisan data serta penulisan, kepercayaan-kepercayaan primitif, kategori agama , evolusi kepercayaan agama menurut pandangan Barat dan analisis menurut Islam serta interpretasi istilah Hanif.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memperjelaskan kepentingan agama di dalam kehidupan setiap jiwainsandenganmerujukkepadaal-Qur'an,al-Hadisdanteori-teori

- utama dalam pengkajian agama serta metodologi dan karya utama sarjana pilihan dalam pengkajian agama [C1, P2, A1]
2. Membezakan kriteria-kriteria dan elemen-elemen utama dalam diri penganut agama secara perbandingan berasaskan pengkategorian agama. [C2, P2, A1]
  3. Menilai teori agama dan keagamaan menurut pandangan Islam. [C4, P2, A1]

#### **Kemahiran Insaniyah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan: LS1-LS2

#### **Rujukan**

1. Lewis M. Hopfe, Mark R. Woodward, Religions of the World. 12 Edition. (USA: Prentice Hall, 2011)
2. Ninian Smart, Crosscultural Exploration of Human Beliefs. 3rd Edition. (USA: Pearson, 2011)
3. Roger Eastman. The Ways of Religion: An Introduction to The Major Traditions. 3rd Edition. (Oxford University Press, 2012).
4. Khadijah Mohd Khambali @Hambali, Suraya Sintang, Azmil Zainal Abidin, Dialog antara Agama Dalam Konteks Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam. Jurnal Tafhim. Volume 6. (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2013).
5. Haslina Ibrahim, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang, Nurhanisah Senin, Suhaida Shaharud-din, Mahmud Ahmad, Mohd Roslan Mohd Nor, Nor Adina Abdul Kadir. The Role of Comparative Religion Curricula In Intra-Inter Civilizational Dialogue. Religious Education. Vol. 108, No. 1. (London: Routledge, 2013)

### **III2006**

#### **PSIKOTERAPI ISLAM**

Kursus ini memperkenalkan ilmu psikoterapi Islam dan turut mengulas aspek perbandingan dengan psikoterapi barat. Antara topik yang dibincangkan ialah pengenalan umum kepada psikoterapi Islam dan hubungannya dengan disiplin ilmu Islam yang lain, tujuan dan matlamathnya, kepentingannya, skopnya dan prinsipnya. Ia turut membincangkan perspektif psiko spiritual Islam berkenaan penyakit yang dihidapi manusia di samping mengemukakan beberapa bentuk terapi yang disarankan oleh para ulama' Islam antara lainnya seperti terapi iman dan terapi ibadah. Ia turut menganalisis beberapa bentuk terapi anjuran terapis barat berlandaskan perspektif pemikiran Islam.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara konsep yang dibincangkan di dalam psikoterapi Islam dan psikoterapi barat. [C3, P1, A1]
2. Menyalin rujukan dan maklumat secara mahir bersumberkan bahan ilmiah dalam bidang psikoterapi Islam bagi menghuraikan isi kandungan mengenai pembentukan kaedah terapi berlandaskan prinsip Islam.[P2, A1]
3. Mengaplikasikan beberapa terapi yang berdasarkan prinsip Islam untuk digunakan bagi membantu membina kemahiran dalam konsultasi atau rundingan motivasi [C3, P1, A1]

**Kemahiran Insaniah**

1. Kemahiran Komunikasi:CS1-CS3
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat: LL1-LL2

**Rujukan**

1. Akbar Husain (2012), Spiritual Psychology, New Delhi: Global Vision Publishing House.
2. Che Zarrina Saari & Hairunnas Rajab (2014), Psikoterapi Islam Dalam Kesihatan Mental. Manuskrip yang tidak dicetak.
3. Al-Ghazali (2000), *Ihya' Ulumal-Din*, 4 Jil. Beirut: Daral-Ma'rifah.
4. Al-Najjar, Amir, (2012), *al-'Ilm al-Nafs al-Sufiyyah*, Kaherah: Dar al-Ma'arif.
5. Heinemann, David (2009), Sufi: Therapy of the Heart, A Transcendent Experience, New Delhi: Sterling Publishers Ltd

**III2007 Agama Semitik Dan Budaya**

Kursus ini menganalisis sejarah dan ajaran agama yang berkembang di Malaysia dengan tumpuan kepada agama semitik dan agama budaya. Kursus ini turut menganalisis istilah Hanif dan perkaitannya dengan ajaran Islam sebagai tirai perbincangan. Seterusnya tumpuan diberikan kepada definisi dan konsep agama semitik dan agama budaya meliputi pengkajian dan perkembangan setiap agama semitik dan budaya. Antara agama-agama yang dikaji adalah Yahudi, Kristian, Hindu, Buddha, Konfusianisme, agama Neneh Moyang, Taoisme dan Sikhsime. Di samping itu, penganalisaan lebih mendalam dibuat terhadap agama-agama tersebut dan Islam adalah justifikasinya. Beberapa bentuk agama baru dan berbentuk budaya yang muncul di Malaysia seperti Baiti Angong, Karismatik Baru dan Taoisme juga turut dikaji.

**Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memperjelaskan konsep, pengertian dan status agama-agama semitik dan budaya. [C3, P2, A1]
2. Membezakan kriteria-kriteria dan elemen-elemen utama dalam agama semitik dan budaya. [C3, P2, A1]
3. Mengaplikasikan nilai-nilai sepunya yang universal dalam agama semitik dan budaya dan disejajarkan dengan prinsip-prinsip teras Islam. [C3, P2,A1]

**Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan:LS1-LS2

**Rujukan**

1. Ninian Smart. Buddhism and Christianity: Rivals and Allies. (USA:University of Hawaii, 2011)
2. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Mahmud Ahmad. 2010. Transformasi Dari Ajaran Nabilsa A.S.Kepada Ajaran Paul Of Tarsus: Satu Analisa Sejarah. Bil. 31, Jurnal Usuluddin. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011)

3. Mahmud bin Ahmad, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. Kewujudan Doktrin Non-Triniti Dalam Ajaran Kristian: Penolakan daripada Kenyataan Al-Kitab (Bible). Vol. 32. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).
4. Ninian Smart. The World's Religion. 2nd Edition. (Cambridge University Press, 2012)
5. Suhaida Shaharud-din, and Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. Analisis Konsep Abrahamic Faiths dan Kaitannya dengan Pluralisme Agama. International Journal of Islamic Thought ( IJIT ), (Bangi: UKM, 2012).

### **III2008**

#### **ISLAM DAN HUBUNGAN ANTARA AGAMA**

Kursus ini membincangkan tentang konsep dan definisi dialog antara agama, peradaban, budaya, sosiobudaya dan fahaman terhadap kehidupan. Ia turut menjelaskan kepentingan memahami di kalangan sesama agama, peradaban, budaya, sosiobudaya dan fahaman terhadap kehidupan. Ia turut mendedahkan tentang kepentingan memahami konsep asas dan hubungan antara agama serta isu dan cabaran hubungan antara agama di Malaysia yang merujuk kepada beberapa isu utama yang menjadi kekeliruan di kalangan antara penganut sesama agama dan berbeza anutan kepercayaan. Kursus ini turut menjelaskan mengenai akhlak dan prinsip-prinsip utama dalam berdialog agar setiap individu yang ingin menjalankan hubungan antara agama memahami, menghormati dan menerima secara terbuka 'kesatuan dalam perbezaan' dan seterusnya mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam hubungan antara agama dan budaya di Malaysia berdasarkan ajaran Islam yang ternyata bersifat rahmat kepada seluruh makhluk.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memahami konsep dan pengertian dialog sesama dan antara agama dan budaya dan kepentingannya di dalam kehidupan setiap jiwa insan dengan merujuk kepada al-Qur'an, al-Hadis dan teori-teori utama dalam dialog antara agama [C3, P2, A1]
2. Menganalisis kriteria-kriteria dan elemen-elemen utama dalam hubungan antara agama dan kehidupan dalam setiap diri penganut agama secara perbandingan [C4, P2, A1]
3. Mengaplikasikan pandangan Islam tentang teori dan akhlak dalam dialog antara agama dan hubungan antara agama. [C3, P2, A1]

#### **Kemahiran Insaniah**

1. Kemahiran Komunikasi:CS1-CS3
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
3. Kerja Berpasukan:TS1-TS2

#### **Rujukan**

1. Muhammad Shafiq and Mohammed Abu Nimer. Interfaith Dialogue: A Guide For Muslims. 2nd Edition. (Washington: The International Institute of Islamic Thought, 2011)
2. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nurhanisah Senin, Suraya Sintang. Citra Dialog Antara Agama Dalam Perspektif Islam Dan Kristian: Analisis Awal. MALIM Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara. Vol. 13. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012)

3. Azarudin Awang, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2012. Dialog Agama Vs Dialog Kehidupan: Membina Kefahaman Kehidupan Masyarakat Yang Berbeza Agama. Jilid. 5, Jurnal Peradaban, (Universiti Malaya: Pusat Dialog Peradaban Malaya, 2012)
4. Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. Religious Tolerance in Malaysia: Problems and Challenges. International Journal of Islamic Thought. Vol. 3. (Bangi, Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013)
5. Khairulnizam Mat Karim, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suzy Aziziyana Saily. An Ideal Concept of Ketua Agama, Religious Leader and Az-zaim Ad-dini: A Preliminary Linguistic Analysis. International Journal of Education and Research. Vol. 1, No. 10. (Australia: Contemporary Research Centre, 2013)
6. KhairulNizam Mat Karim, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suzy Aziziyana Saily. 2014. Kefahaman Konsep Asas Dialog Antara Agama Di Kalangan Ketua Agama Islam dan Kristian di Malaysia Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial. Jurnal Al-Thaqafah. Vol. 4, Isu 1. (Pusat Kembangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Perak Darul Ridzwan, 2014)
7. Azarudin Awang, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. The Correlation 'Dialogue of Life' and Process of Conversion: A Study Within Chinese Converts. Journal of Basic and Applied Scientific Research. 4 (1), 2014.

**III2009**

### **PEMIKIRAN ISLAM SEMASA**

Kursus ini menghuraikan konsep, prinsip, objektif dan kepentingan pemikiran Islam dalam wacana semasa. Seterusnya, ia mengaplikasikan prinsip pemikiran Islam secara praktikal dalam wacana mengenai isu kehidupan realiti dan keadaan semasa. Kursus ini turut menganalisis pemikiran dan kecenderungan intelektual dalam wacana pemikiran semasa yang mempunyai impak terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik keislaman berdasarkan kemahiran kritis, analitis dan saintifik bertunjangkan prinsip pemikiran Islam untuk menyelesaikan masalah dan isu dalam masyarakat.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menghurai konsep, prinsip, objektif dan kepentingan pemikiran Islam dalam wacana semasa. [C2]
2. Mengaplikasikan prinsip pemikiran Islam secara mahir dan praktikal dalam wacana mengenai isu kehidupan realiti dan keadaan semasa. [C3]
3. Menganalisis pemikiran dan kecenderungan intelektual dalam wacana pemikiran semasa yang mempunyai impak terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik keislaman berdasarkan kemahiran kritis, analitis dan saintifik bertunjangkan prinsip pemikiran Islam untuk menyelesaikan masalah dan isu dalam masyarakat. [C4]

#### **Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan: LS1-LS2

### Rujukan

1. Mohd Farid Mohd Shahran, Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2013).
2. Abd Karim Ali dan Rumaizi Ahmad, Islam dan Tajdid (Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia, 2014).
3. Wan Adli Wan Ramlie, "Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak," Jurnal Usuluddin 40 (Julai - Disember 2014), 27-50.
4. Ramlie Awang, Pemikiran Islam: Aliran dan Gagasan (Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2012).
5. Roxanne L. Euben and Muhammad Qasim Zaman, Princeton Readings in Islamist Thought: Texts and Contexts from al-Banna to Bin Laden (New Jersey: Princeton University Press, 2009).

### III3001 NUSUS AL-'AQA'ID

Kursus ini akan mengetengahkan teks-teks tokoh ulama akidah sepanjang zaman dari berbagai mazhab. Fokus pemilihan teks akan mengambil kira isu-isu yang relevan dengan perkembangan dan permasalahan semasa merangkumi aspek ketuhanan, kenabian dan sam'iyyat. Bacaan,uraian dan perbincangan teks-teks terpilih dari karya-karya utama yang mu'tabar oleh tokoh-tokoh tersebut akan diketengahkan.

### Hasil Pembelajaran

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti karya-karya agung Akidah yang mu'tabar dan tema-tema utama dalam penulisan Akidah [C2, P2, A2]
2. Menganalisis teks-teks pilihan Akidah dari segi kandungan dan metodologi penulisannya. [C4, P2, A2]
3. Mengadaptasi nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks pilihan dalam menilai isu-isu semasa. [C3, P2, A2]

### Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Komunikasi:CS1-CS3
2. Kerja Berpasukan:TS1-TS2
3. Kemahiran Kepimpinan:LS1-LS2

### Rujukan

1. Hasan Mahmud al-Shafi'i (1991), al-Madkhala Dirasat 'Ilmal-Kalam, Kaherah: Maktabah Wahbah
2. Faisal Badir 'Aun (1982), 'Ilm al-Kalam wa Madarisuhu, Kaherah: Maktabah al-Hurriyyah al-Hadithah.
3. H. A. Wolfson (1976), The Philosophy of the Kalam, London: Harvard University Press.
4. Al-Shahrastani, Abu al-Fath (2013), al-Milal wa al-Nihal. Beirut: Manshurat al-Jamal.
5. Al-Duri, Qahtan 'Abd al-Rahman (2013), al-Madhabib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu'asirah. Dimashq: Kitab Nashirun.
6. Iman al-Kurdī (2011), Tarikh al-'Aqidah al-Islamiyyah. Dimashq: Dar al-Asma'.

## III3002 NUSUS AL-TASAWWUF

Kursus ini akan mengetengahkan karya-karya tokoh ulama tasawuf terkemuka. Fokus pemilihan teks akan mengambil kira aspek kepentingan perbincangannya dengan perkembangan semasa masyarakat Islam amnya dan di Malaysia khasnya. Bacaan, huraihan dan perbincangan teks-teks terpilih dari karya-karya utama tersebut akan diketengahkan.

### Hasil Pembelajaran

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti karya agung dan tokoh tasawuf yang muktabar. [C1, P2, A1]
2. Menghuraikan idea tokoh muktabar berdasarkan teks dalam karya tasawuf. [C2, P2, A1]
3. Menganalisis teks-teks pilihan tasawuf. [C4, P2, A1]

### Kemahiran Insaniah

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Kerja Berpasukan: TS1-TS2
3. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2

### Rujukan

1. Asim Ibrahim (2015). *Lata'if al-Adhwaq al-Qalbiyyah wa Raqa'iq al-Asrar al-Ruhiiyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
2. Al-Kalabazi, Abu Bakr (2011). *Al-Ta'arruf li Madhhab Alh al-Tasawwuf, Tahqiq Ahmad Shams al-Din*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
3. Abd al-Razzaq bin Ahmad (2012). *Istilahat al-Sufiyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
4. Muhammad bin al-Husayn Muhammad (2010). *Tabaqat al-Sufiyah, Tahqiq Ahmad 'Ata*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
5. 'Abdal-Raziq, Mahmud 'Abduh (2007), *al-Mu'jamal-Sufi.al-Qahirah : Maktabah Salsabil*.
6. Noer, Kautsar Azhari., Irsyadi, Kamran Asad (2007). *Ensiklopedi Tokoh Sufi: Warisan Spiritual Dan Keluhuran Para Mahaguru Sufi* , Yogyakarta: Penerbit Beranda.
7. Abdullah Alawi al-Haddad (1994) *Adab Suluk al-Murid*, Yaman: Dar al-Hawi
8. \_\_\_\_\_( t.t.). Karya Agung Tasawuf Tokoh-Tokoh Besar Sufi Pelbagai Zaman, t.t., t.t.p.:t.p.
9. Muhammad 'Ali Abu Rayyan (1995). *Al-Harakat al-Sufiyyah fi al-Islam. Iskandariyyah*: Dar al-Ma'rifah al-Jami'iyyah.
10. A. W. al-Taftazani (1979), *Madkhali ila al-Tasawwuf al-Islami*, Kaherah: Dar al-Thaqafah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

## III3003 NUSUS AL-FALSAFAH AL-ISLAMIYYAH

Kursus ini akan mengetengahkan teks-teks tokoh falsafah Islam sepanjang zaman berkaitan metafizik, epistemologi, psikologi dan kemasyarakatan. Bacaan, huraihan dan perbincangan teks-teks terpilih dari karya-karya utama yang mu'tabar oleh ahli falsafah Islam akan diketengahkan.

### Hasil Pembelajaran

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti karya-karya agung falsafah Islam yang muktabar sertatema tema utama dalam penulisan falsafah Islam [C3, P2, A1]
2. Menganalisis teks-teks pilihan falsafah Islam [C3, P2, A1]
3. Mengadaptasi nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks pilihan dalam isu semasa [C3, P2, A1]

#### **Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan: LS1-LS2

#### **Rujukan**

1. Muhammad al-Bahi (1982), al-Janib al-Ilahi min al-Tafkir al-Islami, Kaherah: Maktabah Wahbah.
2. Muhammad 'Ali Abu Rayyan (1986), Tarikh al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam, Iskandariyyah: Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyyah.
3. Seyyed Hossein Nasr (1996), The Islamic Intellectual Tradition in Persia, Richmond Surrey: Curzon Press.
4. I.R.Netton (1989), Allah Transcendent, Richmond Surrey: Curzon Press.
5. Urufuwa, Dominic, Tarikh al-Fikri al-'Arabi, Transl. Randah Baath, al-Maktabah al-Syarqiyyah, Beirut 2010.
6. Zaqzuq, Mahmud Hamdy (isyraf wa taqdim), Mausu'ah al-Falsafah al-Islamiyyah, al-Majlis al-'Ala li al-Syu'un al-Islamiyyah Wizarah al-Awqaf, Cairo, 2010.
7. Soleh, H.A. Khudori, Filsafat Islam Dari Klasik Hingga Kontemporeri, Ar-Ruzz Media, Jogjakarta, 2011.

#### **III3004 PEMIKIRAN FALSAFAH ISLAM SEMASA**

Kursus ini membincangkan asal usul falsafah dan konsepnya yang merangkumi perbahasan ilmiah bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat manusia sepanjang masa. Perbincangan pemikiran penting tokoh-tokoh utama falsafah Islam bermula dari al-Kindi, al-Farabi dan Ibn Sina, yang diikuti dengan cetusan polemik pemikiran al-Ghazali oleh Ibn Rushd dalam menangani isu-isu pemikiran dari Greek yang dibawa oleh al-Farabi dan Ibn Sina. Perbincangan kursus ini juga merangkumi aliran-aliran tradisi pemikiran Islam yang turut berkembang seiring terutamanya Ilmu Kalam disamping Tasawuf dan Usul Fiqh yang dilakukan secara perbandingan dalam kontek penggunaan akal. Beberapa isu utama pemikiran semasa yang berdasarkan kepada keintelektualan dibincangkan bagi melihat kebebasan berfikir yang diberikan oleh Islam dan sekaligus diaplikasikan metod perbahasan ilmiah oleh tokoh-tokoh falsafah Islam terdahulu dan asas-asas yang telah terbina itu dapat digarap supaya praktikal dan realistik bagi memanfaatkan sumbangan mereka terhadap pemurnian pemikiran Islam semasa dan kemanfaatannya yang berterusan khasnya di Malaysia.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti hakikat sebenar pemikiran falsafah Islam dan proses penyaringan pemikiran dari luar bagi memanfaatkan aspek-aspek positif dari sesuatu tamadun [C3, P2, A1]
2. Menjelaskan polemik pemikiran dan metod ilmiah dalam menghadapi percanggahan pandangan dalam kalangan ahli-ahli falsafah terhadap isu-isu yang dihadapi untuk membentuk nilai,

- sikap, profesionalisme yang baik [C3, P2, A1]
3. Menghuraikan pemikiran falsafah Islam yang mempunyai elemen kemahiran kreatif, rasional, praktikal dan bebas dalam rangka dalam meyelesaikan masalah konkongan pemikiran yang tidak harmonis, taksub dan jumud [C3, P2, A1]

#### **Kemahiran Insaniyah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Kerja Berpasukan: TS1-TS2
3. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2

#### **Rujukan**

1. Kamil, Magdy, Taqah Nur fi Alam Mu'tam Ibn Rushd, Damascus: Dar al-Kitab al-Arabi, 2013.
2. Soleh, H.A. Khudori, Filsafat Islam dari Klasik Hingga Kontemporari, Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, 2013.
3. Zakzuk, Mahmud Hamdy, Muqaddimah fi al-Falsafah al-Islamiyyah, Cairo: Dar al-Fikr al-Arabi, 2003.
4. Al-Bayumi, 'Abd al-Mu'ti, Fi al-Falsafah al-Islamiyyah, Cairo: al-Matba'ah al-Azhariyyah, 1981.
5. Fakhry, Majid, Islamic Philosophy, Theology and Mysticism, Oxford: One World Publications, 2000
6. Nasr, Seyyed Hossein, A Young Muslim's Guide to the Modern World, Chicago: Kazi Publications, 1993.
7. Zakzuk, Mahmud Hamdy, Maus'ah al-Falsafah al-Islamiyyah, Cairo: al-Majlis al-Al'a li al-Shu'un al-Islamiyyah, 2011.

#### **III3005 PEMIKIRAN MODEN DAN PASCA-MODEN**

Kursus ini memperkenalkan pemikiran Modenisme dan Pasca-modenisme. Ia menganalisis beberapa aliran utama pemikiran moden dan pasca-moden yang mempunyai impak terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik keislaman berdasarkan kemahiran kritis, analitis dan saintifik bertunjangkan ilmu akidah dan pemikiran Islam untuk menyelesaikan masalah dan isu dalam masyarakat. Kursus ini juga mengemukakan kemahiran merujuk dan mengurus maklumat yang bersumberkan karya turath dan penulisan ilmiah bidang akidah dan pemikiran Islam yang berwibawa dalam pembelajaran sepanjang hayat demi menangani pemikiran Modenisme dan Pasca-modenisme.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengurai falsafah, prinsip dan ciri-ciri pemikiran Modenisme dan Pasca-modenisme. [C2]
2. Menganalisis pemikiran Modenisme dan Pasca-modenisme yang mempunyai impak terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik keislaman berdasarkan kemahiran kritis, analitis dan saintifik bertunjangkan ilmu akidah dan pemikiran Islam untuk menyelesaikan masalah dan isu dalam masyarakat. [C4]
3. Mengamalkan kemahiran merujuk dan mengurus maklumat yang bersumberkan karya turath dan penulisan ilmiah bidang akidah dan pemikiran Islam yang berwibawa dalam pembelajaran sepanjang hayat demi menangani pemikiran Modenisme dan Pasca-modenisme. [P1]

### **Kemahiran Insaniah**

1. Kemahiran Komunikasi:CS1-CS3
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat: LL1-LL2

### **Rujukan**

1. Richard Tarnas, *The Passion of the Western Mind: Understanding the Ideas That Have Shaped Our World View* (New York: Random House, 2011).
2. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *al-Madhahib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu`asirah* (Dimashq: Dar al-Fikr, 2014).
3. Seyyed Hossein Nasr, "Reflections on Islam and Modern Thought," in *Islamic Philosophy from Its Origin to the Present: Philosophy in the Land of Prophecy* (New York: State University of New York Press, 2006), 259- 271.
4. Mohammed Yusoff Hussain, *Pengenalan kepada Sejarah Falsafah Barat Moden* (Shah Alam: Karisma, 2002).
5. Wan Muhammad Ali, *Islam dan Fitnah Modernisasi* (Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, 2000).

## **III3006 EPISTEMOLOGI ISLAM**

Kursus ini membincangkan konsep epistemologi Islam dan perbandingannya dengan epistemologi Barat moden serta pasca moden. Antara perkara yang akan dibincangkan ialah tentang definisi ilmu, tabiat ilmu dan hierarkinya, sumber ilmu dan kepentingan ilmu dalam Islam. Ia akan akan turut membahaskan persoalan islamisasi ilmu pengetahuan, konsep pendidikan Islam dan isu-isu semasa dalam epistemologi Islam.

### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menghurai falsafah, prinsip, kepentingan dan objektif epistemologi Islam. [C2]
2. Mengaplikasikan konsep epistemologi Islam secara mahir dan praktikal dalam konteks kehidupan realiti dan keadaan semasa. [C3]
3. Menganalisis pemikiran dan kecenderungan intelektual yang mempunyai impak terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik keislaman berdasarkan kemahiran kritis, analitis dan saintifik bertunjangkan konsep epistemologi Islam untuk menyelesaikan masalah dan isu dalam masyarakat. [C4]

### **Kemahiran Insaniah**

1. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
2. Etika dan Moral Profesional: EM1-EM2
3. Kemahiran Kepimpinan: LS1-LS2

### **Rujukan**

1. Syeikh Daud Bin Syeikh Abdullah Al-Fatani, *Mutiara Berharga Pada Menyatakan Aqidah Orang Yang Beriman*, Ed. Abdul Wahab Bin Mohd Saleh (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).
2. Adian Husaini Et Al., *Filsafat Ilmu: Perspektif Barat dan Islam* (Jakarta: Gema Insani, 2013).

3. Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2013).
4. Franz Rosenthal, *Knowledge Triumphant: the Concept of Knowledge in Medieval Islam* (Leiden: Brill, 2006).
5. Osman Bakar, “Beberapa Aspek Falsafah Ilmu: Konsep, Definisi, Pengelasan dan Penggunaan,” *Kesturi: Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia* 5, no. 2 (Disember 1995), 7-25.

### **III3007 LATIHAN INDUSTRI AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan latihan kepada para pelajar tentang situasi sebenar di alam pekerjaan. Kursus ini juga memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan teori-teori yang berkaitan Akidah dan Pemikiran Islam dengan pihak industri serta berupaya mempelajari teknik komunikasi, disiplin dan pengurusan masa yang efektif.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menimba pengalaman dengan situasi sebenar alam pekerjaan. [C3, P2, A2]
2. Berkemampuan berkomunikasi dengan baik dengan penyelia dan orang ramai serta mewujudkan jaringan (networking) kesepakaran dengan masyarakat luar [C3, P2, A2]
3. Mengaplikasi metode penyelidikan yang sesuai dalam penulisan laporan akhir [C3, P2, A2]

#### **Kemahiran Insaniah**

1. Kemahiran Komunikasi: CS1-CS3
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah: CT1-CT3
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat: LL1-LL2

#### **Rujukan**

1. Idris Awang (2001). *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
2. Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah (1982). *Panduan Menulis Tesis*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
3. Manual Latihan Amali yang disediakan Akademi Pengajian Islam.

# ***Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam)***

## **Matlamat Program**

Untuk memajukan bidang pengajian Usuluddin khususnya Sejarah dan Tamadun Islam berasaskan tradisi keilmuan Islam dan kaedah moden yang saintifik melalui pendidikan berkualiti untuk negara dan kemanusiaan.

### **OBJEKTIF**

1. Melengkapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan Islam dari sudut teori dan amali berdasarkan doktrin ahli Sunnah wa al-Jamaah.
2. Melahirkan pelajar yang beriltizam dengan nilai moral dan etika Islam.
3. Melengkapkan pelajar dengan kekompetenan yang relevan seiring dengan keperluan kontemporari dan arus globalisasi.

### **Hasil Pembelajaran Program**

#### **Pada akhir program, graduan dapat:**

- PO1 Menguasai asas ilmu pengetahuan dalam bidang Usuluddin khususnya Sejarah dan Tamadun Islam.
- PO2 Mengaplikasikan kemahiran untuk menjalankan penyelidikan berkaitan dalam bidang Usuluddin khususnya Sejarah dan Tamadun Islam dan kreativiti warisan seni dan budaya.
- PO3 Menganalisis dalam bidang Usuluddin khususnya Sejarah dan Tamadun Islam dalam menangani isu-isu semasa sebagai tanggungjawab sosial.
- PO4 Mengaplikasi nilai-nilai profesionalisme ilmuan dalam dalam bidang Usuluddin khususnya Sejarah dan Tamadun Islam.
- PO5 Mengaplikasi kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan dalam bidang-bidang yang diceburi, melalui pengalaman belajar.
- PO6 Menguasai kaedah dan kemahiran saintifik dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan isu-isu ketamadunan dalam dalam Sejarah Islam.
- PO7 Mengaplikasikan kemahiran pengurusan maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat.
- PO8 Menggunakan kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam menghasilkan produk berkaitan dengan seni dan warisan Islam.

**STRUKTUR PROGRAM**  
**SARJANA MUDA USULUDDIN (SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM)**

KURSUS	KURSUS			KREDIT
<b>Kursus Universiti (20 kredit)</b>	1.	Falsafah dan Isu Semasa* Bahasa Melayu Asas**	- KUW - KUG	2
	2.	Penghayatan Etika dan Peradaban	- KUW	2
	3.	Asas Pembudayaan Keusahawanan	- APK	2
	4.	Literasi Maklumat	- KUM	2
	5.	Jalinan Masyarakat	- KJM	2
	6.	Ko-Kurikulum	- KUK	2
	7.	Kursus Bahasa Inggeris	- KUB	6
	8.	Elektif Luar Fakulti	- ELF	2
* Untuk Pelajar Warganegara Malaysia ** Untuk Pelajar Bukan Warganegara Malaysia				
<b>Kursus Teras Fakulti (12 Kredit)</b>	1.	Bahasa Arab I	- TF	2
	2.	Bahasa Arab II	- TF	2
	3.	Pengantar Pengajian Syariah	- TF	2
	4.	Pengantar Pengajian Usuluddin	- TF	2
	5.	Tilawah dan Hafazan	- TF	2
	6.	Metodologi Penyelidikan Islam	- TF	2
<b>Kursus Teras Program (60 Kredit)</b>	1.	Kursus Teras Program	- TJ	60
<b>Kursus Elektif (39 Kredit)</b>	1.	Kursus Elektif Program	- EP	27
	2.	Kursus Elektif Fakulti	- EF	12
<b>JUMLAH</b>				<b>131</b>

## STRUKTUR KURSUS

Bagi memenuhi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam), seseorang pelajar perlu menyempurnakan keperluan **131 kredit** berdasarkan struktur berikut:

Kod Kursus	Tajuk Kursus	Kredit	Warganegara	Bukan Warganegara	Pemberatan (%)	
					Penilaian Berterusan	Peperiksaan
<b>1. KURSUS UNIVERSITI (20 KREDIT)</b>						
GIG1012	Falsafah dan Isu Semasa (FIS)	2	✓		70	30
GLT1017	Bahasa Melayu Asas	2		✓	60	40
GIG1013	Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP)	2	✓		70	30
GIG1003	Asas Pembudayaan Keusahawanan	2	✓	✓	100	-
GIG1004	Literasi Maklumat	2	✓	✓	100	-
GIG1005	Jalinan Masyarakat	2	✓	✓	100	-
GKXXXXX	Kursus Ko-Kurikulum	2	✓	✓		
GLTXXXX	*Kursus Bahasa Inggeris	6	✓	✓		
GIXXXXX	Kursus Elektif Luar Fakulti	2	✓	✓		
<b>JUMLAH</b>			<b>20 Kredit</b>			

*KURSUS BAHASA INGGERIS (Pelajar Warganegara)		Kredit
<b>Path 1:</b> <b>MUET Band 2 / IELTS Band 4.0 / TOEFL Paper – Based Test (437 – 473) / TOEFL Computer – Based Test (123 – 150) / TOEFL Internet – Based Test (41 – 52)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1002 Mastering English I GLT1003 Mastering English II GLT1004 Mastering English III	2 2 2
<b>Path 2:</b> <b>MUET Band 3 / IELTS Band 4.5 – 5.0 / TOEFL Paper – Based Test (477 – 510) / TOEFL Computer – Based Test (153 – 180) / TOEFL Internet – Based Test (53 – 64)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1005 Mastering English IV  <b>**Pilih salah satu kursus berikut:</b> GLT1006 Mastering English V GLT1007 Essential Writing Skills GLT1008 Effective Communication	3 3 3 3
<b>Path 3:</b> <b>MUET Band 4 / IELTS Band 5.5 – 6.0 / TOEFL Paper – Based Test (513 – 547) / TOEFL Computer – Based Test (183 – 210) / TOEFL Internet – Based Test (65 – 78) / GCE A Level (English) (Minimum C)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1009 Mastering English VI  <b>**Pilih salah satu kursus berikut:</b> GLT1010 Mastering English VII GLT1011 Technical Writing Skills in English GLT1012 Presentation Skills in English GLT1013 Reading Critically	3 3 3 3

<b>Path 4:</b> <b>MUET Band 5 &amp; Band 6 / IELTS Band 6.5 – 9.0 / TOEFL Paper – Based Test (550 – 677) / TOEFL Computer – Based Test (213 – 300) / TOEFL Internet – Based Test (79 – 120) / GCE A Level (English) (B &amp; A)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1014 Advanced Communication Skills GLT1015 Advanced Professional Writing	3 3
--	---	--------

\*\*Kursus ini mempunyai Pra Syarat dan hanya boleh didaftarkan selepas pelajar LULUS kursus Wajib mengikut Path yang ditetapkan

<b>*KURSUS BAHASA INGGERIS (Pelajar Bukan Warganegara)</b>		<b>Kredit</b>
<b>Path 1:</b> <b>IELTS Band 4.0 / TOEFL Paper – Based Test (437 – 473) / TOEFL Computer – Based Test (123 – 150) / TOEFL Internet – Based Test (41 – 52)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1002 Mastering English I GLT1003 Mastering English II GLT1004 Mastering English III	2 2 2
<b>Path 2:</b> <b>IELTS Band 4.5 – 5.0 / TOEFL Paper – Based Test (477 – 510) / TOEFL Computer – Based Test (153 – 180) / TOEFL Internet – Based Test (53 – 64)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1005 Mastering English IV  <b>**Pilih salah satu kursus berikut:</b> GLT1006 Mastering English V GLT1007 Essential Writing Skills GLT1008 Effective Communication	3 3 3 3
<b>Path 3:</b> <b>IELTS Band 5.5 – 6.0 / TOEFL Paper – Based Test (513 – 547) / TOEFL Computer – Based Test (183 – 210) / TOEFL Internet – Based Test (65 – 78) / GCE A Level (English) (Minimum C) / Lulus Advanced English (Level 6) (English Language Proficiency Programme offered by UMCCed)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1009 Mastering English VI  <b>**Pilih salah satu kursus berikut:</b> GLT1010 Mastering English VII GLT1011 Technical Writing Skills in English GLT1012 Presentation Skills in English GLT1013 Reading Critically	3 3 3 3
<b>Path 4:</b> <b>IELTS Band 6.5 – 9.0 / TOEFL Paper – Based Test (550 – 677) / TOEFL Computer – Based Test (213 – 300) / TOEFL Internet – Based Test (79 – 120) / GCE A Level (English) (B &amp; A)</b>	<b>Kursus Wajib:</b> GLT1014 Advanced Communication Skills GLT1015 Advanced Professional Writing	3 3

\*\*Kursus ini mempunyai Pra Syarat dan hanya boleh didaftarkan selepas pelajar LULUS kursus Wajib mengikut Path yang ditetapkan

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Kredit</b>	<b>Pemberatan (%)</b>	
			<b>Penilaian Berterusan</b>	<b>Peperiksaan</b>
<b>2. KURSUS TERAS FAKULTI (12 KREDIT)</b>				
IIX1001	Bahasa Arab I	2	60	40
IIX1002	Bahasa Arab II	2	60	40
IIX1003	Pengantar Pengajian Syariah	2	40	60
IIX1004	Pengantar Pengajian Usuluddin	2	40	60
IIX1005	Tilawah dan Hafazan	2	100	-
IIX2001	Metodologi Penyelidikan Islam	2	40	60
<b>3. KURSUS TERAS PROGRAM (60 KREDIT)</b>				
IIP1002	Fiqh al-'Ibadat	3	40	60
IIP3001	Pentadbiran Islam Semasa	3	40	60
IQ1001	Al-'Aqa'id al-Islamiyyah	3	40	60
IQ1002	Al-Akhlaq wa al-Tasawwuf	3	40	60
IQ1003	Usul al-Tafsir	3	40	60

IQ1004	Al-Madkhal ila Usul al-Fiqh	3	40	60
IQ1006	Sejarah Institusi Islam	3	40	60
IQ1007	Al-Tarikh Al-Umawi Wa Al-Abbasî	3	40	60
IQ2001	'Ulum al-Hadith	3	40	60
IQ2002	Usul al-Da'wah	3	40	60
IQ2003	Perbandingan Agama	3	40	60
IQ2004	'Ulum al-Qur'an	3	40	60
IQ2005	Aliran Pemikiran Akidah	3	40	60
IQ2009	Dirasah al-Maktabah wa Nusus al-Tarikh al-Islami	3	40	60
IQ2010	Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah	3	40	60
IQ3001	Al-Falsafah al-Islamiyyah	3	40	60
IQ3002	Sirah al-Rasul wa al-Khulafa' al-Rashidin	3	40	60
IQ3003	Takhrij al-Hadith wa Dirasah al-Asanid	3	40	60
IQ3006	Kertas Projek Usuluddin	3	100	-
IQ3009	Sejarah Gerakan Tajdid dan Islam	3	40	60
<b>4. KURSUS ELEKTIF PROGRAM (27 KREDIT) – Pilih 9 kursus sahaja</b>				
IIK1001	Pembangunan Dalam Islam	3	40	60
IIK1002	Tamadun Islam di Afrika dan Eropah	3	40	60
IIK1003	Sejarah Islam Zaman Uthmaniah	3	40	60
IIK1004	Madhkhâl al-Tarikh wa al-Hadarah al-Islamiyyah	3	40	60
IIK2001	Sejarah Islam di Nusantara	3	40	60
IIK2002	Al-Nuzum Al-Islamiyyah	3	40	60
IIK2003	Pengajian Islamicjerusalem dan Timur Tengah	3	40	60
IIK2004	Warisan Perubatan Islam	3	40	60
IIK2005	Falsafah Sejarah Islam	3	40	60
IIK2006	Warisan Islam Di Nusantara	3	40	60
IIK3001	Tamadun Muslim Minoriti	3	40	60
IIK3002	Sejarah Islam Zaman Duwailat	3	40	60
IIK3003	Latihan Industri Sejarah dan Tamadun Islam	3	100	-
<b>5. KURSUS ELEKTIF FAKULTI (12 KREDIT) – Pilih 4 kursus sahaja</b>				
IIX2002	Pendidikan Keibubapaan	3	40	60
IIX2003	Tokoh Ekonomi Islam	3	40	60
IIX2004	Institusi Kebajikan Ekonomi Islam	3	40	60
IIX2005	Hak Asasi Manusia dalam Islam	3	40	60
IIX2006	Aplikasi Semasa Ilmu Falak	3	40	60
IIX2007	Pemikiran Kritis Islam	3	40	60
IIX2008	Fatwa Akidah di Malaysia	3	40	60
IIX2009	Bimbingan dan Rundingcara Dakwah	3	40	60
IIX2011	SainsKesihatanMenurutal-Quran dan al-Hadith	3	40	60
IIX2012	Al-Tibb al-Nabawi	3	40	60
IIX2013	Pengenalan Kepada Pendidikan Islam	3	40	60
IIX2014	Fiqh Kepenggunaan	3	40	60
IIX2015	Kewangan Islam dan Isu Muamalat	3	40	60
IIX3001	Kontemporari	3	40	60
IIX3002	Fiqh al-Waqf wa al-Hibah	3	40	60
IIX3003	Pengurusan Perniagaan dan Muamalat Islam	3	40	60
IIX3004	Politik Muslim di Alam Melayu	3	40	60
IIX3005	Isu Akidah dan Pemikiran Islam Semasa	3	40	60
IIX3006	Epistemologi dalam Akidah	3	40	60
IIX3007	Dakwah di Malaysia	3	40	60
IIX3009	Undang-undang dan Keganasan Terhadap Wanita	3	40	60
<b>JUMLAH KREDIT KESELURUHAN</b>		<b>131 Kredit</b>		

**PERANCANGAN KULIAH**  
**PROGRAM SARJANA MUDA USULUDDIN (SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM)**

KOMPONEN	KOD dan NAMA KURSUS	KREDIT
<b>SEMESTER 1</b>		
<b>Kursus Universiti</b>	GIG1004 Literasi Maklumat	2
	GIG1013 Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP)	2
<b>Kursus Teras Akademi</b>	IIX1004 Pengantar Pengajian Usuluddin	2
<b>Kursus Teras Program</b>	IQ1002 Fiqh al-'Ibadat	3
	IQ1002 Al-Akhlaq wa al-Tasawwuf	3
<b>Kursus Elektif Program</b>	IK1003 Sejarah Islam Zaman Uthmaniah	3
	IK2006 Warisan Islam Di Nusantara	3
	<b>JUMLAH JAM KREDIT SEMASA</b>	<b>18</b>
<b>SEMESTER 2</b>		
<b>Kursus Universiti</b>	GLTxxxx Kursus Bahasa Inggeris	2 / 3
	GIG1012 Falsafah dan Isu Semasa (FIS)* / GLT1017 Bahasa Melayu Asas**	2
	GIG1005 Jalinan Masyarakat	2
<b>Kursus Teras Akademi</b>	IIX1003 Pengantar Pengajian Syariah	2
<b>Kursus Teras Program</b>	IQ1001 Al-'Aqa'id al-Islamiyyah	3
	IQ1004 Al-Madkhali ila Usul al-Fiqh	3
	IQ1006 Sejarah Institusi Islam	3
<b>Kursus Elektif Program</b>	IK1001 Pembangunan Dalam Islam	3
	<b>JUMLAH JAM KREDIT SEMASA</b>	<b>20 / 21</b>
<b>SEMESTER 3</b>		
<b>Kursus Universiti</b>	GLTxxxx Kursus Bahasa Inggeris	2 / 3
	GKXxxxx Ko-Kurikulum	
	<b>[Pilih 1 kursus sahaja:</b>	
	GKA1001 Sangkutan@Industri (Attach@Industry) GK1101 Penyelidikan Bebas (Independent Research)	
	GKK1001 Khidmat Komuniti (Community Service)	
	GKP1001 Pembangunan Bakat (Talent Development)	
	GKS1001 Kesukarelawanan (Volunteerism)	
<b>Kursus Teras Akademi</b>	GKU1001 Keusahawanan (Entrepreneurship)]	2
	IIX1001 Bahasa Arab I	2
<b>Kursus Teras Program</b>	IIX1005 Tilawah dan Hafazan	2
	IQ1003 Usul al-Tafsir	3
	IQ1007 Al-Tarikh al-Umawi wa al-Abbasî	3
<b>Kursus Elektif Program</b>	IQ2002 Usul al-Da'wah	3
	IK2003 Pengajian Islamicjerusalem dan Timur Tengah	3
	<b>JUMLAH JAM KREDIT SEMASA</b>	<b>20 / 21</b>

SEMESTER 4		
<b>Kursus Universiti</b>	GLTxxxx Kursus Bahasa Inggeris (bagi yang belum lengkap 6 kredit)	2
	GIG1003 Asas Pembudayaan Keusahawanan	2
<b>Kursus Teras Akademi</b>	IIX1002 Bahasa Arab II	2
	IIX2001 Metodologi Penyelidikan Islam	2
<b>Kursus Teras Program</b>	IQ2001 Ulum al-Hadith	3
	IQ2009 Dirasah al-Maktabah wa Nusus al-Tarikh al-Islami	3
<b>Kursus Elektif Program</b>	IIK1004 Madhkhala al-Tarikh wa al-Hadarah al-Islamiyyah	3
	<b>JUMLAH JAM KREDIT SEMASA</b>	<b>15 / 17</b>

SEMESTER 5		
<b>Kursus Teras Program</b>	IQ2003 Perbandingan Agama	3
	IQ2004 Ulum al-Qur'an	3
	IQ3002 Sirah al-Rasul wa al-Khulafa' al-Rashidin	3
	IQ3003 Takhrij al-Hadith wa Dirasah al-Asanid	3
<b>Kursus Elektif Program</b>	IK2001 Sejarah Islam Di Nusantara	3
<b>Kursus Elektif Akademi</b>	IIX2002 Pendidikan Keibubapaan	3
	<b>JUMLAH JAM KREDIT SEMASA</b>	<b>18</b>

SEMESTER 6		
<b>Kursus Teras Program</b>	IP3001 Pentadbiran Islam Semasa	3
	IQ2005 Aliran Pemikiran Akidah	3
	IQ3009 Sejarah Gerakan Tajdid dan Islam	3
<b>Kursus Elektif Program</b>	IK2002 Al-Nuzum Al-Islamiyyah	3
	IK2005 Falsafah Sejarah Islam	3
<b>Kursus Elektif Akademi</b>	IX2007 Pemikiran Kritis Islam	3
	IIX2013 Pengenalan Kepada Pendidikan Islam	3
	<b>JUMLAH JAM KREDIT SEMASA</b>	<b>21</b>

SEMESTER KHAS (yuran Semester Khas dikenakan)		
<b>Kursus Elektif Program</b> (Bagi pelajar yang tidak mengambil Latihan Industri pada Semester Khas, boleh menggantikan 1 Kursus Elektif Penghususan pada Semester 7)	IK3003 Latihan Industri Sejarah dan Tamadun Islam	3
	<b>JUMLAH JAM KREDIT SEMASA</b>	
	<b>3</b>	

SEMESTER 7		
<b>Kursus Universiti</b>	GIxxxxx Kursus Elektif Luar Fakulti	2
